

Oktober 6, 2024

Kita lihat Yesus, yang oleh kerana penderitaan maut, dimahkotai dengan kemuliaan dan hormat, supaya oleh kasih karunia Tuhan, Dia mengalami maut bagi semua manusia.

Sebab memang sesuai dengan keadaan Tuhan – yang bagi-Nya dan oleh-Nya segala sesuatu dijadikan iaitu Tuhan yang membawa banyak orang kepada kemuliaan, juga menyempurnakan Yesus ...

Ibrani 2: 9-10

www.heraldmalaysia.com

Sri Paus Fransiskus pilih tema Hari Belia Sedunia 2027

VATIKAN: Hari Belia Sedunia (WYD) 2027, yang akan berlangsung di Seoul, Korea Selatan, akan membantu kaum muda “berfikir tentang dialog antara agama dan kemodenan,” kata Kardinal Kevin J. Farrell, prefek Dikasteri Awam, Keluarga dan Kehidupan, pada September 24 lalu.

Vatikan mengumumkan bahawa tema perayaan Hari Belia Sedunia tahun 2027 di Korea Selatan ialah, “Tabahlah! Aku telah mengatasi dunia.”

Kardinal Farrell mengatakan bahawa Sri Paus Fransiskus memilih Seoul sebagai

tuan rumah Hari Belia Sedunia 2027 kerana

“Terlalu banyak konflik, terlalu banyak perpecahan di antara kita semua, dan Bapa Suci ingin mengajak kita berdialog satu sama lain,” katanya.

“Bukan untuk mengubah atau memaksa orang lain menukar agama sebaliknya membuktikan dan



menunjukkan bahawa kita semua dapat hidup bersama dengan menghormati iman satu sama lain dan menghormati budaya asli masing-masing.”

Uskup Kyung-sang Lee, Ko-ordinator Umum WYD 2027, mengucapkan terima kasih kepada Sri Paus Fransiskus atas pilihan tema

WYD 2027, “Tabahlah! Aku telah mengalahkan dunia.” (Yoh 16:33), bahawa tema itu sangat sesuai dengan keadaan yang dihadapi oleh Gereja Katolik Korea dan cabaran yang dihadapi oleh remaja masa kini.”

Beliau juga menyatakan bahawa “Korea memiliki konteks unik yang berbeza daripada tuan rumah WYD sebelum. Kewujudan keharmonian tradisi agama yang pelbagai di Korea Selatan boleh menawarkan pengalaman unik dan kaya bagi belia dari seluruh dunia”. **Media Vatikan**

Pelayanan, misi, sukacita adalah teras Injil

TAKHTA SUCI: Selepas mengadakan kunjungan apostolik selama dua minggu ke tiga buah negara di Asia dan sebuah negara di Oceania, Sri Paus Fransiskus telah mengadakan kunjungan apostolik ke-46, ke dua buah negara iaitu Luxembourg dan Belgium pada September 26 hingga 29.

Di Luxembourg, Bapa Suci berucap pada perhimpunan komuniti Katolik, bertepatan dengan Jubli Marian, yang merayakan pengabdian selama empat abad kepada Maria, Penghibur Orang-Orang Yang Tertindas.

Pelayanan, misi dan sukacita, merupakan tiga tema Sri Paus Fransiskus kepada umat yang berhimpun di Katedral Notre-Dame Luxembourg.

Gereja dipanggil untuk melayani

Mengulas tema pertama, “pelayanan”, Sri Paus Fransiskus menyatakan bahawa pelayanan ialah tindakan “teras atau inti Injil.”

Prelatus itu menekankan bahawa dalam sebuah negara yang mempunyai tradisi panjang dalam menyambut mereka yang memerlukan, ada satu perkara yang besar iaitu bukan sahaja “amal” tetapi juga “keadilan”.

Sangti Papa juga memuji Luxembourg yang tetap mengekalkan amalan keterbuakaan kepada semua orang.

Gereja dalam masyarakat sekular

Tema kedua, menekankan “misi” Gereja dalam masyarakat yang semakin sekular. Bapa Suci menekankan keperluan bagi Gereja untuk menerima evolusi ini tanpa mengabaikan nilai Injil.

Sri Paus Fransiskus mengajak umat



Sri Paus Fransiskus menonton persembahan tarian teater asli yang melakonkan semula detik-detik penting dalam kehidupan Sto Fransiskus dari Assisi di katedral Luxembourg pada September 26, 2024. Kredit: Daniel Ibañez/CNA

Katolik Luxembourg, untuk menjadi “dinamik”, sentiasa bertindak balas terhadap cabaran zaman sebagai Gereja misionari!”.

Dengan pemikiran ini, Sri Paus Fransiskus menggalakkan semangat sinodal sebagai cara untuk mengukuhkan kehidupan masyarakat dan menyebarkan pesan Injil.

Sukacita Injil

Tema ketiga, “Sukacita” disifatkan oleh Sri Paus Fransiskus sebagai cara hidup iman Kristian.

Bapa Suci merenung kesaksian Diogo, seorang pemuda yang berkongsi pengalaman gembiranya menyertai Hari

Belia Sedunia bahawa sukacita Diogo adalah lambang pesan Injil.

“Iman kami penuh dengan kegembiraan, ia adalah ‘tarian’, kerana kita tahu bahawa kita adalah anak Tuhan, iaitu sahabat kita,” katanya.

Sri Paus juga mengaitkan sukacita dengan Perarakan Musim Bunga yang unik di Luxembourg. Perarakan ini, di mana semua penziarah, menari di jalanan sambil memperingati usaha penginjilan Sto Willibrord. Perarakan itu “menjadi tarian bersatu yang hebat,” katanya.

Mengakhiri ucapannya, Sri Paus Fransiskus mengingatkan umat beriman bahawa misi yang diamanahkan kepada mereka adalah “indah”.

“Mari kita menghiburkan dan melayani, mengikut teladan Maria dan dengan bantuannya, meneruskan pelayanan dan misi kita dalam mewartakan Khabar Sukacita!” ujar Sri Paus Fransiskus.

Dari Luxembourg, Sri Paus terbang ke Belgium di mana kedatangannya disambut oleh Nunsio Apostolik ke Belgium, Uskup Agung Franco Coppola dan Duta Besar Belgium ke Takhta Suci, Patrick Renault.

Salah satu kemuncak lawatan Sri Paus ke Belgium ialah perayaan ulang tahun ke-600 penubuhan Universiti Katolik Leuven, salah sebuah fakulti teologi terkemuka di dunia dan Misa di Stadium Brussels, di mana lebih 35,000 umat beriman telah hadir. **Media Vatikan**

Khutbah api neraka!

Mengapa kita tidak lagi memberitakan tentang api neraka? Itulah soalan yang sering ditanyakan oleh ramai umat beriman yang bimbang kerana terlalu banyak Gereja, paderi dan kaum awam bersikap lemah lembut terhadap dosa dan terlalu murah hati dalam bercakap tentang belas kasihan Tuhan.

Mereka percaya akan lebih ramai orang akan datang ke Gereja dan mematuhi perintah Tuhan jika kita selalu berkhutbah tentang kengerian dosa berat, kemurkaan Tuhan dan realiti neraka yang dahsyat apabila kita mati.

Mereka percaya, kebenaran akan membaskan kita semua di mana orang-orang itu percaya bahawa doa besar memang wujud, mengakibatkan sesuatu dan kekal membawa kesengsaraan. Mereka menegaskan pintu syurga itu sempit tetapi jalan ke neraka itu luas. Jadi mengapa kita tidak berkhutbah lebih lanjut tentang bahaya api neraka?

Berkhutbah tentang dosa besar dan api neraka mungkin berkesan. Kita semua tahu, ancaman boleh memberi kesan besar terhadap kita semua.

Saya dibessarkan tertakluk kepada dakwah seperti ini dan mengakui bahawa ia mempengaruhi tingkah laku saya. Tetapi kesan itu adalah ambivalen: Di satu pihak, ia membuat saya cukup takut di hadapan Tuhan dan sehingga berhati-hati agar kehidupan saya tidak tersasar jauh dari segi moral atau agama. Di sisi lain, ia juga menyebabkan saya “lumpuh” dari segi emosi dan agama.

Secara ringkasnya, sukar untuk bersahabat baik dengan Tuhan yang menakutkan anda. Dari segi agama, menjadi terlalu takut dan lemah di hadapan Tuhan. Takut akan azab tuhan dan takut api neraka, diakui, berkesan sebagai pendorong.

Mengapa tidak mengajar ketakutan akan azab api neraka? Kerana ia salah, ajaran yang boleh memesongkan. Ia memang boleh menjadikan kita takut untuk membuat kesalahan tetapi ia bertentangan dengan cinta.

Jika anda ingin menjalin hubungan cinta, anda tidak akan jatuh cinta melalui kaedah khutbah api neraka. Hanya apabila sese-



Kegembiraan adalah petunjuk yang paling sempurna tentang kehadiran Tuhan. Kredit gambar: FB SYD-6.

orang itu tertarik dan didorong dengan cinta, baharulah seseorang itu akan mengasihi.

Lagipun, berkhutbah tentang api neraka menghina Tuhan yang kita percayai. Tuhan yang diinkarnasi dan diwartakan oleh Yesus bukanlah Tuhan yang memasukkan orang-orang yang tulus dan baik hati ke dalam neraka.

Tuhan yang diwartakan oleh Kitab Suci tidak menghakimi dan menghukum manusia yang lemah.

Tuhan yang diberitakan oleh Yesus, tidak memasukkan kesalahan manusian sebagai lemah moral atau dosa besar.

Saya pernah mendengar unsur-unsur ancaman di dalam khutbah di Gereja kita misalnya: Jika anda terlepas ke Gereja pada hari Minggu, itu adalah dosa besar dan sekiranya anda mati tanpa sempat melakukan Sakramen Pengakuan, anda akan masuk neraka!

Apakah jenis Tuhan seperti ini? Apakah jenis Tuhan yang tidak memberi peluang kedua, ketiga dan tujuh puluh kali tujuh lagi kepada orang yang ikhlas? Tuhan apakah itu

yang kepada orang yang bertaubat di neraka: “Maaf, kamu tahu peraturannya! Anda sudah bertaubat sekarang, tetapi sudah terlambat. Anda telah mensia-siakan peluang anda!”

Teologi Tuhan yang sihat menuntut kita berhenti mengajar bahawa neraka boleh menjadi kejutan yang tidak menyenangkan terhadap orang-orang yang pada dasarnya baik. Tuhan yang dipercayai orang Kristian ialah Tuhan yang berkuasa tanpa batas, belas kasihan-Nya tidak terhingga dan pengampunan yang tidak terhingga.

Kasih Tuhan mengatasi cinta kita dan jika kita, pada masa tertentu dapat melihat kebaikan hati manusia meskipun orang itu lemah dan berdosa, apatah lagi Tuhan, yang Maha Mengetahui. Kita tidak perlu takut kepada Tuhan.

Tetapi, Bukanakah kitab suci menyatakan kepada kita bahawa takut akan Tuhan adalah permulaan kebijaksanaan? Jadi, bukanakah kita perlu takut kepada Tuhan?

Terdapat pelbagai jenis ketakutan, ada yang sihat dan ada yang tidak. Apabila kitab

suci memberitahu kita bahawa takut akan Tuhan adalah permulaan kebijaksanaan, ketakutan jenis yang dibicarakan itu bukan tentang perasaan yang terancam atau berasa bimbang untuk dihukum.

Ketakutan itu lebih kepada ketakutan terhadap pembuli dan pengganas.

Walau bagaimanapun, terdapat ketakutan yang sihat yang wujud dalam dinamika cinta itu sendiri. Ketakutan semacam ini pada asasnya adalah penghormatan yang sewajarnya, iaitu, apabila kita benar-benar mencintai seseorang, kita akan takut mengkhianati cinta itu, takut mementingkan diri sendiri, takut menjadi sompong, dan takut mencemari hubungan itu.

Kita juga akan takut melanggar ruang suci di mana secara metafora, kita akan merasakan kita berdiri di atas tanah suci dan kita membuka kasut sebelum memijak tanah suci itu sebagai penghormatan.

Kitab suci juga menyatakan kepada kita bahawa apabila Tuhan muncul dalam hidup kita, hampir setiap kali Dia berkata, “jangan takut”.

Ini adalah kerana Tuhan bukanlah seorang yang zalim, tidak menghakimi tetapi seorang yang penyayang, kreatif, bertenaga positif dan orang yang penuh sukacita. Seperti yang diingatkan oleh Leon Bloy kepada kita, kegembiraan adalah petunjuk yang paling sempurna tentang kehadiran Tuhan.

Pakar psikiatri terkenal, Fritz Perls, pernah ditanah oleh seorang fundamentalis muda: “Adakah anda telah diselamatkan?”

Jawapannya: “Diselamatkan? Saya masih cuba memikirkan bagaimana saya menggunakan diri saya untuk memberi berkat kepada orang lain!”

Kita menghormati Tuhan bukan dengan hidup dalam ketakutan, takut menyinggung perasaan-Nya, tetapi dengan penuh hormat, dengan menggunakan tenaga indah yang Tuhan berikan kepada kita. Tuhan bukanlah undang-undang yang harus dipatuhi, tetapi tenaga yang menggembirakan untuk kita gunakan secara kreatif dan menjana kehidupan. **Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser**

Perkahwinan: tanda Sakramen Kasih Tuhan

Dalam Injil Markus hari ini, orang Farisi melontarkan persoalan kepada Yesus, yang bermaksud untuk mencubai-Nya: “Bolehkah seorang suami menceraikan isterinya?”

Pertanyaan “penuh perangkap” itu dijawab oleh Yesus dengan mengajukan semua soalan kepada mereka, “Apa perintah Musa kepadamu?”.

Dalam merayakan Ekaristi hari ini marilah kita berusaha memahami latar belakang perintah Musa dalam Perjanjian Lama itu, kemudian disempurnakan oleh Yesus, yang tegas mengatakan: “Apa yang telah dipersatukan Tuhan, janganlah dicecaikan manusia!”.

Isi utama pesan Yesus ialah, “di mana ada kasih, di situ lah ada kesatuan!”

Sama ada dahulu mahupun sekarang, ajaran Yesus tentang kehendak Tuhan dalam perkahwinan ialah SATU dan TAK TERPISAH.

Dalam Perjanjian Lama, kehendak Tuhan itu sebenarnya sudah terungkap dalam Kitab Kejadian di mana secara simbolik menyatakan makhluk Tuhan yang disebut perempuan.

Adam, seorang lelaki pertama, berkata, “Inilah dia, tulang dari tulangku dan dag-

ing dari dagingku.

Dia akan dinamai perempuan, sebab dia diambil dari laki-laki. Sebab itu seorang laki-laki akan meninggalkan ayah dan ibunya, dan bersatu dengan isterinya, sehingga kedua-duanya menjadi satu daging” (ay.23-24).

Pesan Kitab Kejadian tersebut ialah Tuhan adalah kasih, kerana itu Dia tidak muh sendirian.

Maka Dia mencipta alam semesta, bahkan mencipta manusia: Adam. Tetapi manusia ini tidak boleh sendirian, maka Dia menciptakan manusia lain — Hawa sebagai teman hidupnya.

Perempuan itu diambil dari tulang rusuk lelaki, untuk menegaskan bahawa kedua-duanya adalah makhluk Tuhan yang semartabat di hadapan Tuhan. Kerana itu, dalam hal kasih lelaki dan perempuan, mereka adalah setara dan semartabat.

Nilai hidup bersama lelaki dan perempuan atas dasar kasih seperti sudah digambarkan dalam Perjanjian Lama itu di dalam Perjanjian Baru diajarkan dan ditegaskan oleh Yesus dengan kasih sepanjang hidup dan perbuatan-Nya.

Yesus tidak berkahwin, tidak hidup berkeluarga, kerana Dia tidak mahu mem-

batasi kasih khusus hanya kepada seorang.

Kasih-Nya mutlak kepada semua orang yang mahu dikasihi-Nya. Paulus secara simbolik mengatakan, bahawa Gereja, iaitu segenap umat-Nya, adalah mempelai-Nya yang dikasihi-Nya sepenuhnya (lih. Ef 5:22-33). Kasih penuh dan utuh Kristus kepada umat-Nya.

Apakah pesan utama yang ingin disampaikan kepada kita tentang makna perkahwinan dalam Injil Markus hari ini?

Perkahwinan hendaklah jangan dinilai melalui keindahan majlis perkahwinan. Sebaliknya, yang harus diutamakan ialah kesungguhan dan kesetiaan dalam diri kedua-dua mempelai di hadapan Tuhan untuk saling mengasihi.

Sebab perjanjian atau kontrak rasmi antara manusia dapat dibatalkan, namun janji setia dalam perkahwinan di hadapan Tuhan harus mempersatukan kasih dua orang untuk selamanya.

Yesus menegaskan: “**Apa yang dipersatukan Tuhan, tidak boleh diceraikan manusia**” (Mrk 10:9). Betapa perlunya bagi setiap orang berusaha untuk mengenal dan meneguhkan diri sebagai manusia yang tulus dan setia.

Hanya dengan kejuran dan kesetiaan

HARI MINGGU BIASA KE-27

TAHUN B

KEJADIAN 2: 18-24;

IBRANI 2: 9-11;

INJIL MARKUS 10: 2-16

kepada Tuhan, orang akan mampu jujur dan setia juga kepada sesama, khususnya kepada calon teman hidup.

Bila ada kejujuran dan kesetiaan hati di antara kedua-duanya, maka kedua-duanya secara alkitabiah disebut “menjadi satu daging”, yang tak terpisahkan. Sehingga mereka berasa sangat pahit dan sakit apabila mereka dipisahkan satu dari yang lain!

Keluarga juga disebut sebagai “Gereja domestik”, Gereja rumah tangga. Seperti Gereja adalah tanda atau sakramen kasih Tuhan dalam diri Yesus Kristus, demikian juga perkahwinan sebagai “gereja kecil” adalah tanda atau sakramen kasih Kristus.

Kasih antara suami dan isteri, dan antara orang tua dan anak-anak, — itulah yang harus menjadi bukti, tanda, sakramen kasih Tuhan, kasih Kristus di dalam setiap perkawinan Kristiani sejati. **Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm.**

SERIAN, Sarawak: "Dunia hari ini sangat memerlukan Yesus dan semangat persaudaran," kata seorang religius dari kongregasi *Sisters of St Francis of Sarawak* (SSFS) yang menjadi pembicara dalam Seminar Sinodaliti, Identiti dan Misi Wanita Dalam Gereja, anjuran Girumpung Dayung Katolik Paroki Bunan-Tebedu, baru-baru ini.

Seramai 265 peserta dari lebih 40 Gereja di bawah jagaan paroki Bunan-Tebedu, menghadiri program tersebut.

Hari pertama bermula dengan nyanyian puji-pujian diikuti sesi yang disampaikan oleh Sr Catherine Uming, SSFS.

"Bagi membantu kita menemui Yesus dan mengenal diri kita sendiri, kita perlu mendengar Roh Kudus, memperbaharui iman dan berusaha berkongsi Injil dengan sesama," katanya.

Menurutnya lagi, objektif proses sinodal adalah untuk merayakan iman, mendengar satu sama lain dan berjalan bersama dengan Roh Kudus.

Dalam Misa Kudus pada hari pertama, Fr John Chong dalam homilinya mengingat-

Seminar Sinodaliti kali kedua di Paroki Bunan-Tebedu



kan para peserta tentang pentingnya Ekaristi dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Pada hari kedua, Fr John menyampaikan ceramah bertajuk "Wanita Beriman, Berjalan

dengan Iman."

Fr John mengajak para peserta untuk meladani para wanita di dalam Alkitab, seperti Perawan Maria, Marta, Maria Magdalena dan

orang-orang kudus Gereja yang menunjukkan iman mereka dengan memberikan pelayanan sepenuh hati kepada Tuhan serta sesama demi membangun kerajaan Tuhan di dunia.

Ceramah ketiga, "Kesukaan Dalam Perjalanan Iman" oleh Sr Catherine menjelaskan bahawa pelayanan kaum wanita di dalam Gereja adalah satu panggilan kesyukuran dan sukacita.

"Jangan melihat tugas pelayanan sebagai satu beban tetapi satu peluang untuk melayani dan memberikan sesuatu kepada Gereja dan komuniti demi kemuliaan Tuhan," kata Sr Catherine.

Selepas setiap ceramah, peserta dibahagikan kepada kumpulan mengikut kampung atau zon masing-masing untuk berbincang tentang pelan tindakan berdasarkan soalan yang telah diberikan oleh pihak pengajur.

Mereka kemudian membentangkan pelan mereka kepada semua hadirin.

Seminar itu diakhiri dengan Misa Senja yang dipimpin oleh Fr John bersama Rektor paroki Bunan-Tebedu, Fr Cornelius. **Today's Catholic**

Keuskupan Keningau lancar kempen PROTEC tahun kelima

KENINGAU: Kempen Lindungi Bumi kita, Lindungi anak-anak kita (PROTEC) memasuki tahun kelima dengan tema: Kurangkan Penggunaan Kertas dan Kayu.

PROTEC tahun kelima dilancarkan di Keuskupan Keningau oleh Uskup Cornelius Piong pada September 15 di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal.

Pelancaran ini juga bertepatan dengan Musim Penciptaan 2024 (September 1 hingga Oktober 4) dengan tema: "Untuk berharap dan bertindak dengan penciptaan".

Pelancaran ini dimulakan dengan ucapan daripada Sdri Lissa Johannes, Pengurus Komisi Keharmonian Alam Ciptaan Tuhan (KACT).

Dalam ucapannya, Sdri Lissa mengatakan pokok adalah kehidupan yang banyak memberi kebaikan kepada alam ciptaan dan harus dijaga.

Ini adalah kerana dunia semakin panas akibat daripada penebangan hutan dan pokok yang berleluasa.

Kira-kira 420 juta hektar hutan telah hilang akibat penebangan hutan antara 1990 dan 2020, dan kita kehilangan kira-kira 10 juta hektar setiap tahun.

Sdri Lissa mengajak semua umat untuk mengurangkan penggunaan kertas dan menggalakkan menanam pokok sekurang-kurangnya sebuah keluarga menanam satu pokok dan bagi paroki dicadangkan menanam tiga pokok atau menjalankan kempen seperti menanam bakau.

Uskup Cornelius dalam ucapannya kata-kata Sri Paus Fransiskus yang mengingatkan kita bahawa bumi kita sedang demam dan sakit akibat manusia kurang mengambil peduli akan alam ciptaan-Nya.

Prelatus itu juga memberikan beberapa



panduan pengurangan kertas misalnya menggunakan QR Code dan sapu tangan.

Selepas ucapan, gimik pelancaran disempurnakan oleh Uskup Cornelius yang telah

disediakan oleh Keluarga Pelayan RRKK Tatal, Keningau.

Kemudian, acara diakhiri dengan sesi bergambar dan menanam pokok.



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291
E-Mel:
liza@herald.com.my

Mengapa Yesus mengutuk pohon ara?

Salah satu kisah yang membingungkan tentang Yesus dalam Injil adalah kisah Dia mengutuk pohon ara (Markus 11 dan Matius 21).

Markus 11 menggambarkan Yesus pertama-tama mengutuk pohon ara (ayat 12-14), kemudian menyucikan Bait Tuhan (ayat 15-19), dan keesokan paginya, pohon ara itu menjadi kering (ayat 20-25).

Dalam Matius 21 pula, Yesus pertama-tama menyucikan Bait Tuhan (ayat 12-13) dan kemudian mengutuk pohon ara (ayat 18-20), dan setelah itu pohon ara itu menjadi kering (ayat 21:21-22).

Mengapa ada perbezaan kisah? Mungkin, pengarang Matius menyajikan bahan tentang pohon ara secara bersamaan kerana berkaitan dengan topik yang sama: pohon ara. Hal ini sesuai dengan cara Matius mengelompokkan bahan berdasarkan topiknya.

Urutan peristiwa dalam kitab Markus mungkin bersifat kronologi. Namun, Markus memiliki cara khusus untuk menyusun bahan dalam tulisannya, yang disebut sebagai "Sandwich Markus".

Gelaran ini muncul kerana Markus sering menyela satu cerita dengan cerita lain. Meskipun berbeza namun kedua-dua kisah Injil ini saling melengkapi.

Dalam kisah ini, Yesus melihat pohon ara dari jauhan. Markus mencatat bahawa pohon itu

"berdaun" dan bahawa saat itu "bukan musim buah ara." Hal ini dikaitkan dengan waktu Paskah (akhir Mac atau April).

Lalu Yesus "mendekatinya untuk melihat kalaupun ia mendapat apa-apa pada pohon itu." Mengapa Dia melakukan hal itu jika sekarang bukan musim buah ara?

Plinius Tua dalam bukunya *Naturalis Historia* (16.49), pohon ara dikenal sebagai pohon yang menghasilkan buah sebelum berdaun (bdk. Markus 13:28), keberadaan daun membuat pembaca Markus mengerti mengapa Yesus pergi ke pohon itu untuk mencari sesuatu untuk dimakan" (Craig Evans, *Word Biblical Commentary on Markus 11:13*).

Ada beberapa kemungkinan Yesus mengharapkan menemui buah pada pohon itu untuk dimakan, akan tetapi, Dia tidak menemui apa pun.

Yesus berkata kepada pohon itu, "Jangan lagi seorang pun makan buahmu selama-lamanya!" Mungkin, tindakan Yesus terlihat seperti aksi kebencian.

Mengapa Yesus mengutuk sebuah pohon, terutama ketika belum waktunya pohon itu berbuah? Hukum Taurat Musa juga mengutuk penghancuran pohon yang tidak perlu (Ulangan 20:19-20).

Yesus mentaati Hukum Taurat (Matius 5:17-

18; Ibrani 4:15) tidak membenci atau merosakkan pohon yang tidak perlu. Peristiwa ini memiliki tujuan!

Rombongan Yesus memasuki Yerusalem dan menuju ke Bait Tuhan. Di sana, Yesus "mulai mengusir orang-orang yang berjualan dan pembeli di Bait Tuhan, dan Dia menungangkan meja-meja para penukar wang dan bangku-bangku pedagang burung merpati."

Sama seperti Yesus yang mengutuk pohon ara, Dia juga mengutuk orang-orang yang berjual beli dan menukar wang di Bait Tuhan. Dua hal ini saling berkaitan dan memberikan petunjuk mengapa Yesus mengutuk pohon ara.

Keesokan paginya, ketika mereka kembali ke kota, mereka melihat pohon ara itu sudah kering. Banyak penafir dahulu gagal untuk memahami kaitan kisah penyucian Bait Tuhan dan pohon ara.

Dengan mengutuk pohon ara, Yesus sedang menggunakan perumpamaan fizikal iaitu buah apakah yang berhasil pada Bait Tuhan jika ia menjadi tempat berurus niaga?

Sama seperti pohon ara yang tidak berbuah, yang tidak dapat memberi makan kepada binatang mahupun manusia, begitu juga dengan Bait Suci yang sibuk dengan perniagaan yang boleh membawa kepada kehancuran Bait Tuhan (Markus 13:1-2). **Catholic Answers**

Sahabat Kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Injil pada hari Minggu ini mempunyai dua bahagian.

Bahagian pertama ialah pertanyaan daripada orang-orang Farisi tentang perkahwinan.

Sebenarnya, orang-orang Farisi itu cuma mahu merangkap Yesus. Namun, mereka tidak menyangka, ternyata Yesus jauh lebih bijak dan sabar.

Yesus menerangkan tentang perkahwinan yang diberkati Tuhan atau pada masa ini, kita memanggilnya Sakramen Perkahwinan.

Adik-adik, apakah maksud Sakramen? Sakramen ialah tanda kehadiran Kristus. Oleh sebab itu, Sakramen Perkahwinan adalah bersifat kekal dan tidak boleh diceraikan oleh manusia, kerana perkahwinan itu diberikan

sendiri oleh Tuhan melalui tangan-tangan orang yang diurapi iaitu paderi.

Bahagian kedua dalam Injil ialah mengenai ibu bapa yang membawa anak-anak mereka untuk diberkati oleh Yesus tetapi dihalang oleh para murid-Nya.


Yesus mengatakan agar jangan menghalang anak-anak itu dari datang kepada-Nya kerana mereka adalah empunya kerajaan Surga (Markus 10:2-16).

Adik-adik, mari kita selalu mengingati bahawa Yesus amat menyayangi kanak-kanak dan selalu membawa mereka ke dalam pelukan-Nya.

Mari kita berdoa agar Yesus melindungi dan memeluk kanak-kanak yang sedang menderita akibat perperangan, kemiskinan dan bencana.


Antie Melly

GUNTING GAMBAR DI BAWAH MENGIKUT GARISAN. LEKATKANNYA PADA KERTAS MANILA, KEMUDIAN, BERMAINLAH "SUSUN GAMBAR" BERSAMA RAKAN ADIK-ADIK.




Doa Sebelum Belajar

Tuhan, kami mahu mempersiapkan diri sebelum belajar. Kami mohon, terangilah akal budi kami, tingkatkan penumpuan dan pemahaman kami, dan kuatkan ingatan agar kami dapat selalu mengingati apa yang kami pelajar, demi Kristus, Tuhan kami. Amin.



Gunting gambar orang pada sebelah kanan. Kemudian lekatkan pada gambar Gereja, mengelilingi Ekaristi.



Isi tempat kosong untuk membaca pesan Yesus.

memeluk
meletakkan
sesiapa
menyambut
Tuhan
memberkati
anak
masuk
kecil
berkata



Aku kepadamu: Sesungguhnya tidak Kerajaan seperti seorang , dia tidak akan ke dalamnya. Lalu Dia anak-anak itu dan sambil tangan-Nya atas mereka, Dia mereka

(Markus 10:16)

BELIA

Catatan ziarah belia Yang Diutus ke Sabah

PETALING JAYA: Sebuah perkumpulan belia Katolik, Yang Diutus (YD) adalah sebuah komuniti Kristus yang terdiri daripada belia berkerja yang bertutur dalam bahasa Malaysia, merupakan pelayanan di bawah naungan Youth Ministry di Gereja St Francis Xavier, Petaling Jaya, Selangor.

Ditubuhkan pada Mac 13, 2015 dengan 58 ahli, YD disertai oleh para belia berusia 20 hingga 45 tahun.

Inspirasi penubuhan ini datang daripada Fr Alberto Ireneus David SJ, untuk membantu belia yang beralih dari alam pengajian ke alam pekerjaan, yang memerlukan sokongan moral dan spiritual. Semua aktiviti YD berfokus pada tema "Dipanggil, Dipilih, Diutus," (Yohanes 9:7).

Dengan sokongan paderi paroki dan umat, YD komited melayani Tuhan.

YD juga ingin berkongsi pengalaman mereka semasa berziarah ke beberapa buah tempat di Sabah pada bulan Julai lalu.

Lawatan ke Montfort Youth Training Centre (MYTC) Kinarut, Papar - Julai 26, 2024

Kebersihan, keharmonian, ketenangan, dan keceriaan di kawasan MYTC menarik perhatian belia YD.

YD juga mempelajari misi St Gabriel's Brothers dalam memberikan pelayanan pendidikan khususnya kepada belia yang memerlukan.

Pencerahan di tepi sungai - Julai 27, 2024

"Pencerahan di Tepi Sungai" dari kerohanian Ignatius, membawa belia YD ke Sungai Mandalipau di daerah Papar, Sabah.

Ziarah ini memberikan kesempatan unik untuk merasakan kehadiran Tuhan melalui interaksi dengan alam. Aliran sungai, bunyi-bunyian, serta benda dan imej dalam ziarah itu, telah meneguhkan iman belia YD dan memban-

tu mereka membuat keputusan penting dalam hidup.

Kehidupan berkomuniti di Kg Mandalipau juga memberi inspirasi terhadap belia YD.

Di sini, mereka belajar untuk saling memenuhi kekurangan dan menggunakan kelebihan yang ada dan memastikan setiap orang merasakan semangat "kebersamaan".



Ziarah ke Kg Tomis dan Tiong, Pekan Nabalu - Julai 29-30, 2024

Para belia YD berada di Kg Tomis selama dua hari dua malam.

Di kampung ini, para belia YD mendaki ladang nanas yang penuh cabaran, merentasi sungai, kebun getah, sawah padi, dan jalan berbukit-bukau. Kepenatan para belia berbaloi kerana berpeluang untuk menikmati keindahan alam semula jadi.

Di sini, para belia YD belajar bahawa dalam proses membuat keputusan, pasti ada cabaran.

Namun, keputusan yang diambil dengan restu Tuhan akan membawa kebahagiaan apabila kita memahami kehendak-Nya.

Belia YD juga berkesempatan melawat dan berdoa di empat

buah chapel di Kg Tomis dan di tiga buah chapel di Kg Tiong.

Ziarah belia YD bermula dari Chapel Holy Cross, kemudian ke Chapel St John the Baptist dan berakhir di Chapel St Francis of Assisi.

Dalam setiap kunjungan ke chapel, para belia YD membawa doa-doa dari penghuni Asrama St Marianne.



Asrama St Marianne - Julai 28, 2024

Di asrama St Marianne, Tamparuli, belia YD melihat bagaimana para religius kongregasi *Franciscan Sisters of the Immaculate Conception* (FSIC) penuh dedikasi menjaga para penghuni asrama, memastikan setiap pelajar menerima pendidikan berkualiti dilengkapi dengan pengisian rohani.

Di sini, belia YD berkongsi pengalaman peribadi dengan

penghuni asrama serta melakukan aktiviti mengekspresikan diri melalui tulisan, lukisan atau apa sahaja yang terlintas dalam fikiran mereka di atas kain putih.

Karya pada kain itu merupakan doa dan impian para belia YD serta penghuni asrama St Marianne.

Pentahbisan paderi baharu - Julai 31, 2024

Belia YD mengakhiri ziarah mereka dengan menghadiri Misa Kudus pentahbisan Fr Nalerin Erone SJ pada Julai 31.

Mereka juga berkesempatan mempersembahkan nyanyian dari *Spiritual Exercises* yang dicipta oleh Fr Paul Dass semasa majlis makan malam selepas Misa Kudus pentahbisan di Dewan Katedral Hati Kudus.

Banyak kejutan, sukacita, dan kebaikan yang dialami oleh para belia YD sepanjang ziarah di Sabah.

Pengalaman itu menyedarkan belia YD untuk menjadi penziarah dan misionari yang melangkaui hati dan keterbatasan bagi mendekatkan diri kepada Tuhan melalui pelbagai cara dan keadaan. Mereka juga belajar untuk mencari kebahagiaan dalam perkara-perkara kecil.



Kehadiran umat di setiap chapel, termasuk mereka yang mengikuti belia YD dari chapel pertama, sangat menyentuh hati mereka.

Ziarah itu bukan sahaja membawa kegembiraan kepada para belia YD tetapi kepada penduduk setempat yang mengharapkan belia tempatan terus memenuhi ruang-ruang chapel.



SYD-6 telah menyedarkan saya akan tanggungjawab sebagai seorang penjaga bumi.

Selain itu, saya telah mempelajari tentang pentingnya mengetahui Ajaran Sosial Gereja Katolik dan SYD-6 juga memberi saya kesempatan untuk berjalan serta melayani para belia lain.

Saya sangat terharu semasa sesi *spiritual conversation* apabila para belia tidak hanya diberi peluang untuk didengar tetapi diberi ruang dan masa bagi mendengar rakan, menunjukkan empati dan penghargaan kepada sesama. Mellanie Mell Adris, Katedral Sacred Heart, Kota Kinabalu

Sebagai seorang belia bekerja, saya sering mengalami dilema antara menyempurnakan kerja di tempat pekerjaan dan pelayanan di Gereja.

Melalui SYD-6, saya melihat ramai belia yang sanggup memenuhi pelbagai cabaran untuk berada di SYD-6.

Dan ini membaawa saya untuk merenung kepada soalan ini, "Adakah cinta saya kepada Tuhan cukup mendalam untuk saya menghadapi segala cabaran apabila ingin melayani Dia?" Michael Phoon, Katedral St Mary, Sandakan



Lagi sharing peserta SYD-6 pada keluaran akan datang!



Dan ini membaawa saya untuk merenung kepada soalan ini, "Adakah cinta saya kepada Tuhan cukup mendalam untuk saya menghadapi segala cabaran apabila ingin melayani Dia?" Michael Phoon, Katedral St Mary, Sandakan

Hanya satu yang saya ingin ungkapkan, saya bangga menjadi Katolik!

Inilah pertama sekali saya menyertai SYD secara bersemuka. Sukar diungkapkan kata-kata tentang kegembiraan dan persahabatan sepanjang SYD-6.

Sebagai salah seorang tim pengajur yang mengikuti persiapan awal SYD, saya belajar tentang kesatuan dan semangat berjalan bersama. FB Ollen Ellen, Keningau





Hentikan perang sementara masih ada waktu

PARIS: "Hentikan peperangan! Hentikan," inilah laungan ramai orang semasa Mesyuarat Antarabangsa untuk Keamanan yang dianjurkan oleh Komuniti Sant'Egidio di Paris, dari September 22 hingga 24.

Bapa Suci Fransiskus menyampaikan pesan kepada "pemimpin politik" bahawa, "Kita memusnahkan dunia! Marilah kita berhenti sementara masa masih ada!"

Mesej itu ditujukan kepada semua peserta mesyuarat yang dihadiri oleh wakil-wakil Gereja, komuniti Kristian, pemimpin agama lain dan pihak berkuasa.

Mesyuarat yang bermula 38 tahun lalu, dimulakan oleh Sto Sri Paus Yohanes Paulus II di Assisi.

Agama untuk keamanan

Sri Paus Fransiskus menyatakan harapannya agar pertemuan di Paris dalam Semangat Assisi itu dapat membantu umat beriman memupuk persaudaraan pada zaman ini.

"Pada masa lalu, agama kerap digunakan untuk mencetuskan konflik dan peperangan. Bahaya ini terus berlanjut sehingga sekarang."

Seperti yang pernah beliau nyatakan bersama dengan Imam

Besar, Ahmad Al-Tayyeb dalam Dokumen Persaudaraan Manusia demi Keamanan Dunia dan Hidup Bersama bahawa "Agama-agama tidak boleh sekali-kali menghasut untuk memulakan peperangan. Agama sama sekali tidak boleh mempromosi sikap kebencian, permusuhan dan ekstremisme serta pertumpahan darah."

"Jika ini terjadi, ia disebabkan daripada penyelewengan ajaran agama. Ia hasil daripada manipulasi politik agama dan tafsiran salah oleh perkumpulan agama."

Tegas Sri Paus, agama tidak boleh menyemarakkan

"sebarang bentuk nasionalisme, etnosentrisme dan populisme. Celakalah mereka yang cuba menyeret Tuhan untuk berpihak dalam peperangan!"

Semoga Semangat Assisi berkembang

Pada akhir pesannya, Sri Paus Fransiskus mengatakan bahawa semangat Assisi adalah berkat untuk dunia hari ini.

"Semangat Assisi ini mesti bertumbuh lebih kuat dalam layar dialog dan persahabatan dengan pelbagai latar belakang orang!" kata Sri Paus Fransiskus. **Media Vatikan**

Tema Hari Komunikasi Sedunia 2025 seru kelelah lembutan

VATIKAN: Pejabat Akhbar Takhta Suci mengeluarkan tema yang dipilih oleh Sri Paus Fransiskus untuk Hari Komunikasi Sedunia ke-59 bagi tahun 2025, "Kongsikan dengan lemah lembut harapan yang ada dalam hati anda" (1 Pet 3:15-16).

Teks pengenalan yang memperkenalkan tema itu menyatakan bahawa tema itu bertujuan membawa perhatian kepada fakta bahawa dalam dunia hari ini, "terlalu kerap berlaku komunikasi

yang ganas, yang bertujuan untuk menyerang, jauh sekali memenuhi syarat untuk dialog."

Pesan Hari Komunikasi Sedunia 2025 itu bertujuan melucutkan "senjata" ganas komunikasi dan membersihkannya daripada pencerobohan."

Penerangan tentang tema itu juga menjelaskan bahawa "keganasan" dalam komunikasi lazim dilihat dalam rancangan bual bicara televisyen sehinggalah



penerangan lisan tentang peperangan di media sosial. Bapa Suci

mengatakan, bagi orang Kristian, "harapan adalah seseorang, dan Dia adalah Kristus."

Dan harapan ini terikat kepada masyarakat, kerana "apabila kita bercakap tentang harapan Kristian, kita tidak boleh mengabaikan komuniti yang hidup dengan mempraktikkan ajaran Yesus, demi memperlihatkan cara hidup tentang harapan yang bersumber daripada Yesus dan mampu menyampaikan pengharapan kepada

orang lain melalui perbuatan dan perkataan mereka pada hari ini."

Hari Komunikasi Sedunia biasanya disambut pada hari Minggu sebelum Pentakosta.

Sri Paus Paulus VI menetapkan Hari Komunikasi Sedunia pada tahun 1967, sebagai perayaan tahunan yang menggalakkan renungan, peluang dan cabaran yang ditawarkan oleh media dan bagaimana Gereja boleh menyampaikan pesan Injil dengan lebih baik. **Media Vatikan**

Mahkamah India tolak petisyen terhadap *Missionaries of Charity*

KOLKOTA, India: Petisyen atau permohonan menuntut siasatan khas pusat-pusat perlindungan, termasuk yang dikendalikan oleh kongregasi *Missionaries of Charity* (MC), telah ditolak oleh mahkamah tertinggi negara itu.

"Ya, kami sedia maklum mengenai kes itu; tetapi tidak mahu mengulas mengenainya," kata seorang biarawati dari *Mother House*, ibu pejabat kongregasi MC yang didirikan oleh Ibu Teresa dari Kolkata.

Petisyen itu difaikkan oleh Suruhanjaya Kebangsaan untuk Perlindungan Hak Kanak-Kanak (NCPNR) pada 2020, dua tahun selepas para religius MC dituduh menjual bayi dari rumah perlindungan mereka di negeri Jharkhand, India.

Pada 2018, polis di Jharkhand telah menahan seorang biarawati MC dan memenjarakan biarawati itu hampir tiga bulan berikutnya aduan daripada pasangan yang mendakwa mereka membuat pembayaran semasa mengambil anak angkat di pusat perlindungan MC.

Kerajaan cuba menggunakan dakwaan terhadap biarawati MC tersebut bagi membatalkan lesen kongregasi itu bagi menerima dana asing.

Pada 2019, NCPNR kembali mer-



Para biarawati *Missionaries of Charity* di Kolkota sedang merawat pesakit. Gambar: missionariesofcharity.org.

ayu di mahkamah bagi kes tersebut. Peguam NCPNR berkata panel hak kanak-kanak mahu siasatan "dipantau mahkamah, dalam tempoh yang ditetapkan" ke dalam semua rumah perlindungan di Jharkhand.

Mahkamah Agung pada September 24, menolak petisyen itu.

Jangan seret Mahkamah Agung ke dalam agenda anda," kata hakim B V Nagarathna dan Nongmeikapam Kotiswar Singh kepada panel hak kanak-kanak tersebut.

"Sungguh mengejutkan apabila mengetahui bahawa badan berkaitan persekutuan seperti NCPNR boleh memfailkan petisyen remeh di mahkamah tertinggi," kata A. C. Michael, seorang pemimpin Katolik di New Delhi.

Sebaliknya, mahkamah harus melantik pasukan khas untuk menyiasat NCPNR kerana ia sering melampaui batas dan sering mengganggu institusi Kristian, kata Michael, bekas anggota komisi minoriti di India. ucanews.com



Indonesia berkati patung Yesus tertinggi di dunia

MEDAN: Indonesia telah merasmikan patung Yesus tertinggi di dunia di sebuah tapak pelancongan di wilayah Sumatera Utara.

Patung *Jesus Christ the Saviour* setinggi 61 meter terletak di Bukit Sibea-bea, berhampiran Tasik Toba di Samosir.

Ia dirasmikan oleh presiden Persidangan Uskup Indonesia, Uskup Antonius Subianto Bunjamin dari Bandung pada September 19.

Ia sekurang-kurangnya 20 meter lebih tinggi daripada patung *Christ the Redeemer* di Rio de Janeiro, Brazil yang mempunyai ketinggian 39.6 meter.

Menurut Uskup Bunjamin, patung kecil *Jesus Christ the Saviour* telah dipersembahkan oleh Sri Paus Fransiskus untuk diberkati, semasa Bapa Suci berada di kedutaan Vatikan di Jakarta pada September 6, sempena kunjungan apostoliknya ke tiga buah negara

di Asia dan sebuah negara Oceania.

Doa yang tertulis di bawah patung *Jesus Christ the Saviour* juga telah ditandatangani oleh Bapa Suci Fransiskus.

Bapa Suci menulis "Apa yang mengagumkan tentang Yesus Juruselamat ialah kasih-Nya yang tidak terhingga."

Prelatus itu menambah, bukit tempat terletaknya patung *Jesus Christ the Saviour* adalah tempat yang terberkati dan dijangka dapat memperkasakan iman para penziarah yang datang ke situ.

Uskup Agung Kapusin, Cornelius Sipayung dari Medan, yang turut menghadiri perasmian itu, berkata patung tertinggi Yesus Kristus Sang Juruselamat adalah "peringatan bahawa Tuhan telah hadir di dunia."

"Patung itu bukan sahaja objek keindahan tetapi panggilan bagi manusia untuk menjadi terang dunia!" ucanews.com

Syaitan licik tetapi umat Kristian lebih bijak

VATIKAN: "Tuhan melindungi kita daripada tipu daya syaitan ...," Sri Paus Fransiskus memberikan kata-kata penghiburan ini semasa Audiensi Umum pagi Rabu di Dataran Sto Petrus, September 25 lalu.

Pada masa yang sama, prelatus itu menggesa umat beriman untuk "jangan sekali kali berdialog dengan syaitan."

Bapa Suci menerangkan siri katekesinya tentang Roh Kudus dan merujuk kepada kisah Injil tentang godaan Yesus di padang pasir.

Tegas Sri Paus Fransiskus, "Jangan sekali-kali bercakap dengan syaitan. Sebaik sahaja Kristus dipaku di atas Salib", "Dia telah 'putera dunia' selama-lamanya, syaitan" diikat seperti anjing di rantai; dia tidak boleh menggigit se-siapa pun, kecuali dengan orang yang mendekatinya...

"Dia boleh menyalak, dia boleh mendesak dan dia tidak boleh menggigit, kecuali orang-orang yang mahu digigit!"

"Jangan jadi bodoh dan pergi kepada syaitan dan 'Apa khabar?' ... syaitan akan merosakkan anda."

Dengan syaitan, kita mesti sentiasa menjaga jarak.

Bapa Suci menyedari bahawa semua umat pernah mengalami "didekati syaitan" khususnya melalui teknologi.

"Jangan," tegas Sri Paus, "Jangan mendekati anjing yang diikat dengan rantai (syaitan)."

Orang kudus sebagai model iman kita



Sri Paus Fransiskus berjalan ke arah kerusi untuk audiensi umum di Dataran Sto Petrus, Sept 25, 2024. Bapa Suci berbicara dengan suara perlahan diselang seli dengan batuk, serta membatalkan dua pertemuan sebelum audiensi kerana diserang "selsema sederhana". Kredit Gambar: CNA


Sri Paus Fransiskus menyatakan bukti terbesar kewujudan syaitan tidak ditemui dalam bukti kejahatan di dunia kita, tetapi dalam kehidupan dan saksi orang-orang kudus.

Usaha orang-orang kudus untuk bertumbuh dalam kebijakan dan kekudusan, memberi kesaksian tentang realiti jahat "roh jahat dan orang-orang kudus ini mengingatkan kita akan keperluan untuk berjuang melawan godaan berbuat dosa."

Bapa Suci menekankan bahawa Tuhan mengalahkan kejahatan dan dosa. Tuhan memberi kita harapan yang pasti bahawa, dengan mempercayai firman-Nya dan dikuatkan oleh rahmat Roh Kudus, kita dapat mengatasi godaan syaitan.

"Berhati-hatilah, kerana syaitan itu licik," kata Bapa Suci Fransiskus, "tetapi kita orang Kristian, dengan rahmat Tuhan, lebih bijak daripada syaitan."

Menghadapi cabaran penganiayaan



Kita memang mahu berbangga menjadi seorang Katolik. Tetapi cabaran atau sikap orang lain terhadap iman kita boleh menjadikan semangat kita goyah. Lebih-lebih lagi, disebabkan iman dan kepercayaan yang kita anuti, kita dibuli, diperlekeh dan dianiaya.

Dibuli, didiskriminasi disebabkan oleh iman kita boleh membunuh semangat kerohanian dan kesetiaan kita terhadap Yesus. Sesungguhnya, setiap orang yang mahu hidup beribadah di dalam Kristus Yesus, akan menderita dianaya (2 Timotius 3:12).

Bagaimana kita dapat menghadapi cabaran penganiayaan dan buli terhadap iman kita?

Berdoa untuk kekuatan dan kebijaksanaan

Tidak kira apa pun cabaran yang anda hadapi, doa adalah sumber kekuatan dan perlindungan terbesar anda.

Berpalinglah kepada Tuhan untuk kebijaksanaan dan ketabahan ketika menghadapi kesukaran, dan memohon bimbingan-Nya untuk menangani pembuli anda dengan kasih dan rahmat yang menggambarkan Kristus.

Sentiasa berfikiran positif

Anda adalah penyokong terbesar diri anda, dan hanya anda yang mempunyai kuasa untuk membina diri anda. Sentiasa mengingatkan diri anda tentang kekuatan dan kelebihan anda serta betapa istimewanya anda di mata Tuhan.

Inilah senjata harian kita yang kuat bahawa, "saya disayangi dan dihargai Tuhan. Saya adalah anak laki-perempuan Tuhan.". Keyakinan dan keteguhan keperibadian anda akan melemahkan mereka yang membuli atau memperlekehkan anda.

Fokus pada berkat, bukan kesukaran

Fokus pada berkat anda dan bukannya kesukaran boleh mengalihkan tumpuan anda yang negatif kerana dibuli kepada positif dalam hidup anda.

Ini akan memupuk rasa puas hati dan kegembiraan. Hati yang bersyukur boleh membantu anda kekal berpegang pada iman anda walaupun menghadapi cabaran.

Fokus kepada panggilan anda

Orang yang mengalami buli cenderung mempersoalkan nilai dan tujuan mereka. Memberi tumpuan kepada apakah panggilan Tuhan terhadap anda, dapat membawa anda kepada kebenaran tentang siapa anda dalam Kristus.

Ia mengingatkan anda bahawa nilai anda tidak ditentukan oleh pendapat tindakan orang lain, tetapi dengan tujuan dan kasih sayang yang Tuhan miliki untuk anda.

Mohon bantuan

Tiada siapa yang harus melalui kesusahan seorang diri, terutamanya jika ia melibatkan buli atau diskriminasi agama yang anda anuti.

Jangkau rakan, keluarga, KED/KKD atau persatuan agama yang boleh memberikan dorongan dan doa kepada anda. Dengan adanya orang-orang ini di belakang anda, semasa masa yang mencabar ini, pasti memberikan anda lebih keyakinan untuk berdiri teguh dalam iman anda.

Memaafkan

Sebagai Kristian, Yesus adalah model unggul iman. Sepanjang pelayanan-Nya, Dia menghadapi cemuh, penganiayaan dan tuduhan tidak berasas. Namun Dia membala-Nya dengan berkat, pengampunan, lemah lembut dan kasih.

Memaafkan pasti sukar bagi kita, manusia biasa. Tetapi hanya dengan memaafkan, kita bebas dari kemarahan dan tekanan akibat dibuli! Aleteia

Literasi AI

"Keperluan untuk menginjil melalui platform digital" adalah antara isu penting yang disenaraikan dalam *Instrumentum Laboris* untuk Sinode Uskup pada Oktober 2024.

Seorang pakar penganalisis dasar dan penyelidikan teknologi yang mengkhusus dalam Kepintaran Buatan, Teknologi dan Keselamatan Siber, Marcelle Momha berpendapat "sfera digital sesungguhnya merupakan dimensi penting bagi kesaksian Gereja dalam budaya kontemporari."

Untuk Sinode yang bakal berlangsung dalam bulan ini, Marcelle Momha dari Cameroon yang kini menetap di Amerika Syarikat, mempunyai banyak harapan untuk sinode itu, antaranya: "Memahami budaya digital sebagai sebahagian daripada penginjilan dan kepentingan melibatkan generasi muda Gereja dalam melaksanakan misi itu".

Marcelle yang mempunyai pengalaman luas mengenai AI kerana kerjaya dan penyelidikannya, menekankan kepentingan Literasi AI atau celik AI dalam perspektif Gereja Sinodal.

Katanya literasi AI sangat penting untuk membekalkan masyarakat bagaimana menangani kesan transformatif AI, mendorong penggunaan yang bertanggungjawab dan inklusif di pelbagai sektor.

Dalam era perubahan teknologi yang pesat, AI telah muncul sebagai salah satu alat paling berkualitas yang berpotensi untuk mengubah masyarakat.

Bercakap mengenai potensi ancaman yang ditimbulkan AI kepada Keamanan Global dan Pembangunan Manusia, Marcelle memetik ucapan Hari Keamanan Sedunia, Januari 1, 2024, Sri Paus Fransiskus bahawa dalam hal ini, perlu ada pendekatan tegas bagi menangani kebimbangan tersebut misalnya penglibatan korporat, rangka kerja kawal selia, norma dan piawaian,"

Marcelle Momha baru-baru ini menyertai komuniti pemimpin perniagaan, saintis data, pembina teknikal dan penyelidik canggih yang berdedikasi untuk memanfaatkan kuasa transformatif AI untuk manfaat manusia sambil meminimumkan potensi kesan negatifnya.

Beliau menyumbang kepada pembangunan Kit Alat AI, panduan praktikal untuk menggabungkan enam tonggak utama ke dalam fabrik projek dan operasi AI: ketelusan, ekuiti, akauntabiliti, privasi, kemampunan, keselamatan dan kesejahteraan.

Daripada pengalaman profesional yang memperkaya sebagai seorang Kristian, dia memahami bahawa "usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen saya untuk mendamaikan dan menerapkan nilai dalam teknologi. Saya berasa teruja dengan laporan sintesis sinode dan amat berterima kasih kepada Roh Kudus kerana membimbing Gereja, dari dahulu sehingga sekarang.

Marcelle percaya, AI boleh "memberi kehidupan rohani" berdasarkan dokumen ringkas Sinode yang menyatakan bahawa sfera digital boleh membantu dalam memperkembangkan kehidupan spiritual.

Beliau percaya bahawa ini boleh dilakukan dengan menggalakkan AI dan Literasi Teknologi.

Literasi AI memperkasakan individu untuk memahami dan menilai kesan AI. Ia memupuk kemahiran berfikir kritis untuk membezakan maklumat AI yang boleh dipercayai daripada maklumat yang salah atau palsu.

Marcelle percaya bahawa jika orang Kristian di seluruh dunia dilatih menggunakan AI dengan betul, kemungkinan besar mereka akan menggunakannya untuk kebaikan bersama.

Semasa Sabah Youth Day kali keenam yang berlangsung pada September 16-20 lalu, kesedaran AI dan penggunaannya dalam penginjilan amat ketara.

Semoga lebih ramai kaum muda Katolik, yang seperti Marcelle Mohma, yang menyertai pelbagai penyelidikan dan perbincangan dalam AI serta menyokong kuat kenyataan Sri Paus Fransiskus bahawa AI boleh menjadi "ruang" di mana kita benar-benar boleh belajar berjalan bersama, sebagai sebuah Gereja Sinodal".

Kita berdoa agar Gereja terus mengekalkan gaya hidup Sinode dalam semua cara, sebagai tanda tanggungjawab bersama, mempromosikan penyertaan, persekituan dan misi yang dikongsi dalam kalangan paderi, religius dan orang awam.

Oktober 6, 2024



Kardinal Sebastian utus lebih tiga ribu misionari muda di Keningau

Liza Magnus

KENINGAU: "Kehadiran lautan orang muda Katolik di sini adalah kesaksian besar bahawa Kristus benar-benar hidup, dahulu, sekarang dan akan tetap hidup selama lamanya," kata Kardinal Sebastian Francis yang datang ke Keuskupan Keningau untuk menghadiri Sabah Youth Day (SYD) kali keenam di Katedral St Francis Xavier.

Uskup Pulau Pinang itu memimpin Misa Kudus penutup SYD-6 pada September 20 yang juga jatuh pada Hari Memperingati para martir Korea iaitu Andrew Kim Toegon, Paul Chong Hasang dan rakan-rakan mereka.

SYD-6 mencatat kehadiran lebih tiga ribu orang belia, bukan sahaja dari Sabah, malah dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur, Keuskupan Pulau Pinang, Melaka Johor dan Vikariat Brunei pada September 16-20, 2024.

Kada korosi! (Jangan takut!)

"Penyertaan kamu dalam SYD-6 memberi hidup kepada misi Roh Kudus. Dan misi itu adalah kamu sendiri. You are the mission. You are the 'now' of God! (Christus Vivit).

Kehadiran kamu di SYD-6 bukan kebetu-

lan tetapi dipilih, dipanggil dan diutus untuk mewartakan kebangkitan Kristus melalui Roh kudus.

"Kada korosi. Jangan takut untuk dipanggil dan diutus sebagai misionari Kristus kerana Roh Kudus ada di dalam kamu!"

"Sebagai misionari Kristus, bukan sahaja Roh Kudus menguatkan kamu tetapi kita juga didampingi oleh Bonda Maria, semua orang kudus, para martir dari Asia dan kami, Uskup Katolik Malaysia, juga menyertai dan mendoakan kamu."

Merujuk kepada para wanita dalam pembacaan Injil pada hari tersebut, Kardinal Sebastian mendoakan para peserta SYD agar seperti Maria Magdalena, Yohana dan Suzana, "kamu juga diampuni, disentuh, disembuh dan dibebaskan oleh Yesus Kristus dan kini menjadi anggota keluarga dan komuniti yang dibebaskan dari perhambaan dosa."

"Wahai anak muda! Kamulah misionari muda sukacita Injil. Kamulah misionari muda belas kasihan. Dan kamulah misionari muda Harapan Roh Kudus. Kamu semua, ialah misionari muda SUKACITA, BELAS KASIHAN dan HARAPAN!"

Apabila kamu kembali ke tempat masing-

masing, sebarkanlah pesan sukacita Injil kepada golongan muda lain di Sabah dan di luar Sabah. Jangan lupa melayani belia agar Gereja tidak akan kekurangan nabi dan misionari muda.

Kardinal Sebastian menekankan kepentingan Memorial para martir Korea iaitu Sto Andrew Kim Taegon, Paul Chong Hasang dan 103, lelaki, wanita dan kanak-kanak yang martir kerana menolak untuk meninggalkan Kristus. Dalam rekod, terdapat 8,000 hingga 10,000 martir kerana penganiayaan di Korea.

Gereja di Asia diasaskan berdasarkan darah para martir. Para martir itu memberikan kesaksian hebat bahawa iman Katolik ialah nilai amat penting.

Bonda Maria dari Gunung Kinabalu

Kardinal Sebastian juga tersentuh dengan cinta Uskup Cornelius Piong yang memberi gelaran kepada Bonda Maria dari Gunung Kinabalu. Bonda Maria dari Gunung Kinabalu bukan sahaja akan menjadi identiti Sabah tetapi juga Malaysia dan Asia.

Uskup Pulau Pinang itu juga mengumumkan beberapa peristiwa penting berkaitan belia yang bakal berlangsung:

1. Hari Belia Sedunia 2027 (WYD 2027) di

Seoul Korea Selatan

2. Perhimpunan Belia Malaysia di Keuskupan Agung Kota Kinabalu, pada bulan April 2025

3. Permulaan Jalan Salib Malaysia (Selepas Perhimpunan Belia Malaysia) pada bulan April 2025 dan berakhir di Majodi, Johor sempena Konvensyen Pastoral Malaysia 2026.

"Bersiap sedia untuk beraksi! Belia Sabah memimpin belia Malaysia. Jumpa kamu di sana (MPC 2026). Selepas SYD-6, jom bangkit bersama Yesus dan Bonda Maria di seluruh Sabah dan Malaysia! Amin Amin Amin!" kata Kardinal Sebastian Francis.

Uskup Cornelius semasa menyampaikan ucapan penutup, berpesan kepada para belia agar berbangga dengan identiti Katolik mereka.

"Selepas ini anda pulang, tetapi bukan pulang begitu sahaja. Anda diutus! Anda diutus untuk meneruskan misi Kristus, menyebarkan keselamatan, damai dan kegembiraan Injil yang kita telah terima!" kata Uskup Cornelius Piong.

Selepas Misa Kudus penutup, diadakan gimik pengumuman tuan rumah SYD-7 iaitu paroki St Dominic Lahad Datu, di Keuskupan Sandakan pada tahun 2028!

Para saudara Kapusin Johor, peringati Hari Raya Sto Pio dari Pietrelcina

ULU TIRAM, JOHOR: Para saudara Kapusin Johor memperingati Hari Raya Sto Pio Pietrelcina pada September 22, di Pusat Kerohanian Sto Pio di Ulu Tiram, Johor, sebuah pusat kebaktian pertama kepada St Pio di Malaysia.

Acara yang disambut secara tradisi pada September 23, menarik kehadiran ramai pendevosi Sto Pio dari Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, dan Filipina.

Tahun ini, Uskup Bernard Paul dari Keuskupan Melaka Johor, sebagai penghulu utama dengan menekankan tema Doa, selaras dengan seruan Sri Paus Fransiskus untuk berdoa satu tahun sebagai persiapan Tahun Jubli 2025.

Triduum bermula pada September 19 dengan tema "Doa adalah Pengampunan."

Pada hari kedua Triduum, tema berfokus kepada "Doa adalah Hubungan" dan pada

hari terakhir doa trihari, renungan Uskup Bernard tertumpu kepada tema, "Doa adalah Mengatakan Ya."

Kemuncak perayaan Sto Pio ialah pada September 22, di perkangan Pusat Kerohanian St Pio dengan kehadiran para penziaroh melebihi seribu orang.

Acara dimulakan dengan doa rosari, diikuti dengan dua umat yang menyampaikan kesaksian pengalaman peribadi sebagai pendoa syafaat kepada Sto Pio.

Kemudian, Uskup Bernard Paul memimpin perayaan Ekaristi bersama para Friar Kapusin iaitu Fr Joe Matthews, OFMCap; Fr John Anandan, OFMCap; Fr Gilbert, OFMCap; dan paderi paroki Keluarga Kudus, Fr Martinian Lee. Dalam homilinya, Uskup bercakap tentang pentingnya kerendahan hati dan kesederhanaan dalam doa, berdasarkan tema "Doa adalah Menjadi Anak."



Prelatus itu memetik kata-kata Sto Pio, "Doa adalah oksigen kepada jiwa," sambil memberi peringatan bahawa punca segala kejahatan terletak pada konsep "Saya,"

Jelasnya, sikap mementingkan diri sendiri boleh menjelaskan doa, melemahkan hubungan kita dengan Tuhan dan orang lain.

Uskup Bernard juga mengambil nasihat Sto Pio untuk "cuba menyatakan kesederhanaan kanak-kanak dengan kebijaksanaan

orang dewasa."

Tahun depan, perayaan Sto Pio akan disambut pada September 21, 2025, dimulakan dengan Triduum dari September 18 hingga 20, 2025.

Diharapkan, pesta Sto Pio pada tahun hadapan akan dirayakan di Gereja Keluarga Kudus yang kini masih dalam tahap pembinaan. **Hendricks Utoi, Bro Pius Kallang, OFMCap.**